



KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAAN MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

SIARAN KHAS: MASA YANG DIPERUNTUKKAN BAGI KERJA DOMESTIK DAN KERJA PENJAGAAN TIDAK BERBAYAR DI MALAYSIA 2025

Wanita di Malaysia Memperuntukkan 25.5% daripada Masa Harian bagi Kerja Tidak Berbayar, Mencerminkan Jurang Gender yang Masih Berterusan

PUTRAJAYA, 2 JULAI 2026 – Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) hari ini menerbitkan **Siaran Khas: Masa yang Diperuntukkan bagi Kerja Domestik dan Kerja Penjagaan Tidak Berbayar di Malaysia 2025** yang membentangkan statistik rasmi mengenai penggunaan masa penduduk berumur 15 tahun dan lebih bagi aktiviti kerja domestik dan kerja penjagaan tidak berbayar berdasarkan Survei Indikator Isi Rumah Nasional (NHIS) 2025.

Menurut Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, kerja domestik dan kerja penjagaan tidak berbayar merupakan komponen penting dalam kehidupan seharian kerana menyokong kesejahteraan isi rumah serta kelangsungan fungsi sosial. Walaupun aktiviti ini tidak direkodkan secara langsung dalam ekonomi formal, statistik yang diterbitkan memberikan gambaran berharga mengenai masa yang disumbangkan oleh penduduk Malaysia kepada kerja domestik dan penjagaan, sekali gus menjadi asas penting dalam penggubalan dasar berkaitan keseimbangan kerja-kehidupan, pembangunan sosial dan kesaksamaan gender.

Secara keseluruhannya, penduduk Malaysia memperuntukkan sebahagian besar masa harian mereka untuk kerja domestik dan kerja penjagaan tidak berbayar iaitu secara purata **5 jam 12 minit sehari**, sekali gus menunjukkan peranan penting kerja tidak berbayar dalam menyokong kesejahteraan isi rumah dan masyarakat.

Dapatan menunjukkan hanya terdapat sedikit perbezaan dalam masa yang diluangkan untuk kerja tidak berbayar antara penduduk bandar dan luar bandar. Penduduk luar bandar memperuntukkan **21.7 peratus** daripada masa harian mereka (**5 jam 13 minit**) bagi kerja tidak berbayar, berbanding **21.5 peratus (5 jam 10 minit)** dalam kalangan penduduk bandar. Dapatan ini menunjukkan bahawa lokasi tempat tinggal hanya memberi pengaruh yang terhad terhadap corak penggunaan masa.

Analisis mengikut kumpulan umur menunjukkan bahawa individu berumur **45 hingga 54 tahun** memperuntukkan bahagian masa tertinggi bagi kerja tidak berbayar, iaitu **23.8 peratus (5 jam 43 minit sehari)**, diikuti oleh kumpulan umur **25 hingga 44 tahun (23.3%; 5 jam 35 minit)** dan **55 hingga 64 tahun (23.0%; 5 jam 31 minit)**. Sebaliknya, individu berumur **15 hingga 24 tahun** memperuntukkan masa paling rendah, iaitu **16.2 peratus (3 jam 53 minit sehari)**. Corak ini mencerminkan tanggungjawab domestik dan penjagaan yang lebih besar dalam kalangan individu pada peringkat pertengahan kitaran kehidupan.

Mengikut kewarganegaraan, warganegara Malaysia memperuntukkan purata **21.8 peratus** daripada masa harian mereka bagi kerja tidak berbayar, berbanding **19.5 peratus** dalam kalangan bukan warganegara. Mengikut kumpulan etnik pula, kumpulan **Lain-lain** mencatatkan peratusan tertinggi (**23.7%**), diikuti **Melayu (22.6%)**, manakala **Cina** mencatatkan peratusan terendah (**20.5%**). Walau bagaimanapun, kerja domestik kekal sebagai komponen utama penggunaan masa merentas semua kumpulan.

Mengikut tahap keupayaan, golongan **bukan OKU** memperuntukkan purata **21.7 peratus** daripada masa harian (**5 jam 12 minit**) bagi kerja tidak berbayar, berbanding **12.5 peratus (2 jam 59 minit)** dalam kalangan **OKU**. Walaupun tempoh masa yang diperuntukkan oleh golongan OKU adalah lebih rendah, mereka masih terlibat dalam aktiviti domestik dan penjagaan, sekali gus menekankan kepentingan penyediaan sistem sokongan sosial yang lebih inklusif.

Dalam konteks antarabangsa, Malaysia merekodkan tahap penglibatan yang lebih tinggi dalam kerja domestik dan kerja penjagaan tidak berbayar berbanding purata negara anggota **Organisation for Economic Co-operation and Development (OECD)**. Wanita di Malaysia memperuntukkan **25.5 peratus** daripada masa harian mereka (**kira-kira 6 jam 7 minit**) bagi aktiviti tersebut, berbanding sekitar **17 peratus** di negara-negara OECD, manakala lelaki memperuntukkan **18.1 peratus**, berbanding sekitar **9 hingga 11 peratus** di peringkat antarabangsa. Dapatan ini menunjukkan bahawa beban kerja tidak berbayar di Malaysia masih tinggi bagi kedua-dua jantina, dengan wanita terus memikul bahagian tanggungjawab yang lebih besar.

Secara keseluruhannya, statistik ini menyediakan asas untuk memperkukuh dasar berkaitan pembangunan sosial, keseimbangan kerja-kehidupan dan kesaksamaan gender. Pengiktirafan terhadap nilai kerja domestik dan kerja penjagaan tidak berbayar, di samping pelaksanaan dasar yang menyokong ekonomi penjagaan, memperluas akses kepada perkhidmatan sokongan serta menggalakkan pembahagian tanggungjawab yang lebih saksama adalah penting dalam meningkatkan kesejahteraan rakyat dan produktiviti negara.


Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) sedang melaksanakan **Banci Ekonomi 2026 (BE2026)** dengan tema “**Data Nadi Ekonomi Rakyat**”. Pelaksanaan Banci Ekonomi kali keenam ini berlangsung dari **5 Januari hingga 31 Oktober 2026**. BE2026 bertujuan untuk mengumpul data yang menyeluruh dan berstruktur daripada semua pertubuhan perniagaan berdaftar dan tidak berdaftar di Malaysia,

bagi menilai prestasi, struktur serta ciri-ciri ekonomi negara secara komprehensif dan berasaskan bukti.

Malaysia buat julung kalinya telah menduduki **tangga pertama (1)** di peringkat global dalam laporan dwi-tahunan **Open Data Inventory (ODIN) 2024/25** yang dikeluarkan oleh Open Data Watch (ODW), mengatasi 197 negara lain. Pencapaian ini merupakan lonjakan ketara daripada kedudukan ke-67 dalam penilaian ODIN 2022/23.

OpenDOSM NextGen adalah medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

Paparan 1: Masa yang Diperuntukkan bagi Kerja Domestik dan Kerja Penjagaan Tidak Berbayar di Malaysia 2025



Dikeluarkan oleh:

PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA
JABATAN PERANGKAWAN MALAYSIA
2 JULAI 2026



MINISTRY OF ECONOMY
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

MEDIA STATEMENT

SPECIAL RELEASE: TIME SPENT ON UNPAID DOMESTIC AND CARE WORK IN MALAYSIA 2025

Women in Malaysia Spend 25.5% of Their Daily Time on Unpaid Work, Highlighting Persistent Gender Gap

PUTRAJAYA, 2 July 2026 – The Department of Statistics Malaysia (DOSM) today released the **Special Release: Time Spent on Unpaid Domestic and Care Work in Malaysia 2025** presenting official statistics on the time spent by the population aged 15 years and over on unpaid domestic and care work activities based on the National Household Indicators Survey (NHIS) 2025.

According to the Chief Statistician of Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, unpaid domestic and care work constitutes an essential component of daily life, supporting household well-being and the continuity of social functions. Although these activities are not directly captured within the formal economy, the statistics provide valuable insights into the time contributed by Malaysians, forming an important basis for policymaking related to work-life balance, social development, and gender equality.

Overall, Malaysians spend a substantial proportion of their daily time on unpaid domestic and care work, averaging **5 hours 12 minutes daily**, highlighting the significant role of unpaid labour in sustaining households and communities.

Insights reveal only a marginal difference in the time spent on unpaid work between urban and rural populations. Rural residents spend **21.7 per cent (5 hours and 13 minutes)** of their daily time on unpaid work as compared **21.5 per cent (5 hours and 10 minutes)** among urban residents. This indicates that place of residence has only a limited influence on time-use patterns.

Analysis by age group shows that individuals aged **45 to 54 years** allocate the highest proportion of time to unpaid work, at **23.8 per cent (5 hours and 43 minutes per day)**, followed by those aged **25 to 44 years (23.3%; 5 hours and 35 minutes)** and **55 to 64 years (23.0%; 5 hours and 31 minutes)**. In contrast, individuals aged **15 to 24 years** spend the least time, at **16.2 per cent (3 hours and 53 minutes per day)**. This pattern reflects greater domestic and caregiving responsibilities among individuals in the middle stages of life.

By citizenship, Malaysians spend an average of **21.8 per cent** of their daily time on unpaid work as compared with **19.5 per cent** for non-citizens. Across ethnic groups, the **Others** category recorded the highest proportion (**23.7%**), followed by **Malays**

(**22.6%**), while the **Chinese** recorded the lowest (**20.5%**). Nevertheless, domestic work remains the primary component across all groups

By disability status, persons without disabilities spend an average of **21.7 per cent (5 hours and 12 minutes)** daily on unpaid work as compared with **12.5 per cent (2 hours and 59 minutes)** among persons with disabilities. Despite spending less time, persons with disabilities continue to participate in domestic and care activities, underscoring the importance of inclusive social support systems.

From an international perspective, Malaysia records a higher level of participation in unpaid domestic and care work compared to the average among **OECD** countries. Women in Malaysia spend **25.5 per cent** of their daily time on these activities (approximately **6 hours and 7 minutes**) as compared to around **17 per cent** in OECD countries, while men spend **18.1 per cent** as compared approximately **9 to 11 per cent** internationally. These findings indicate that the burden of unpaid work in Malaysia remains substantial for both women and men, with women continuing to shoulder a larger share.


In conclusion, these statistics provide a foundation for strengthening policies related to social development, work-life balance, and gender equality. Recognising the value of unpaid domestic and care work, alongside policies that support the care economy, expand access to support services, and promote a more equitable sharing of responsibilities, will be crucial in enhancing overall well-being and national productivity.

The Department of Statistics Malaysia (DOSM) is conducting the **Economic Census 2026 (BE2026)**, with themed “*Data Nadi Ekonomi Rakyat*”. The sixth Economic Census, will be carried out from **5th January to 31st October 2026**. BE2026 aims to collect comprehensive and structured data from all registered and unregistered business establishments in Malaysia to assess the nation’s economic performance, structure and characteristics in an evidence-based manner.

Malaysia has, for the first time, successfully secured the **top position** globally in the biennial **Open Data Inventory (ODIN) 2024/25** report released by Open Data Watch (ODW), surpassing 197 other countries. This achievement marks a significant leap from its 67th position in the ODIN 2022/23 assessment.

OpenDOSM NextGen is a medium that provides data catalogue and visualisations to facilitate users' analysis and can be accessed through <https://open.dosm.gov.my>.

Exhibit 1: Time Spent on Unpaid Domestic and Care Work in Malaysia 2025



Released by:

THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA
2nd JULY 2026